Tarikh: 12 Ogos 2022

NOTICE NO. SYAFI/N/01/2022

LAMPIRAN 2: NOTIS PROSES PERMOHONAN PRODUK ISLAM

Permohonan hendaklah dihadapkan dalam bentuk jadual dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris, dan sekurang-kurangnya menyertakan maklumat-maklumat berikut:

1. Cadangan nama produk.
2. Objektif penawaran produk.
3. Sasaran pelanggan.
4. Maklumat, keterangan dan rasional menggunakan pihak ketiga, jika perlu, seperti retakaful.
5. Sasaran tarikh pelancaran produk.
6. Ciri-ciri utama produk termasuk carta ilustrasi.
7. Jenis kontrak Syariah yang dirujuk kepada Piawaian Syariah yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa dari semasa ke semasa.
8. Salinan resolusi Badan Penasihat Syariah (BPS).
9. Dokumen perjanjian, borang cadangan, dan dokumen terma dan syarat.
10. Deraf risalah dan risalah keterangan produk.
11. Salinan tandatangan pemilik produk dan ketua fungsi yang berkaitan seperti Ketua Pembangunan Produk, Ketua Syariah, Ketua Perundangan, Ketua Pematuhan, Ketua Pengurusan Risiko dan mana-mana ketua fungsi yang berkaitan dengan produk yang dicadangkan.
12. Salinan surat kelulusan daripada pihak berkuasa tempatan jika telah mendapat kelulusan dari negara asal.

Nota: Jika terdapat sebarang ketidakselarasan antara kertas kerja Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris, maka kertas kerja Bahasa Melayu adalah terpakai.